

# PERANAN UNIT UNIT KEUSAHAWANAN POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



## Pengenalan Unit

Unit Keusahawanan Politeknik Mukah ditubuhkan bagi mencapai visi dan misi yang telah dirangka dengan jelas selaras dengan keperluan Pelan Strategik Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2016-2020 dan Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) 2018-2025 berteraskan matlamat organisasi dan hala tuju strategik iaitu menghasilkan graduan yang boleh diambil bekerja untuk memenuhi kehendak negara dan menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

Terdapat beberapa objektif unit keusahawanan yang dijadikan sebagai garis panduan untuk mencapai visi dan misi iaitu, membentuk budaya dan minat keusahawanan di kalangan pelajar Politeknik Mukah (PMU) sebagai generasi muda untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan di masa hadapan, mencetus minat dan kesedaran pelajar kepada aspek yang berkaitan dengan bidang pengurusan keusahawanan dan kewangan dan memupuk nilai-nilai keusahawanan yang tulen seperti belajar untuk mengambil risiko, memupuk minda keusahawanan, kemahiran dan kecekapan membuat keputusan serta dapat mengembangkan jaringan rangkaian usahasama.

Selain itu unit keusahawanan juga mempunyai beberapa fungsi dalam usaha mencapai objektif yang ditetapkan iaitu merancang, menyelaras & melaksana program-program keusahawanan di peringkat unit dan jabatan, memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar Politeknik Mukah tentang keusahawanan, menanam & membina sikap keusahawanan di dalam diri pelajar, mengadakan program inkubator keusahawanan pelajar di Politeknik Mukah, dan melahirkan bilangan usahawan dalam kalangan pelajar serta graduan politeknik melalui pendaftaran perniagaan dan penglibatan dalam keusahawanan.

Unit keusahawanan Politeknik Mukah diterajui oleh seorang Ketua Unit dan dibantu Penyelaras Keusahawanan dari setiap jabatan akademik Politeknik Mukah. Tugas utama Penyelaras Keusahawanan di peringkat jabatan ialah membantu merancang dan melaksanakan program peringkat jabatan atau PMU bagi mendukung peranan Unit Keusahawanan dalam mencapai objektif penubuhan.

## Unit Introduction

Unit Keusahawanan Politeknik Mukah was established to achieve a clearly formulated vision and mission in line with the requirements of the Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Entrepreneurship Strategic Plan 2020-2025 and the Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Strategic Plan 2018-2025 based on organizational goals and directions strategic direction which is to produce graduates who can be employed to meet the needs of the country and become the leader of a superior TVET institution

There are several objectives of Unit Keusahawanan that are used as guidelines to achieve the vision and mission, namely, forming a culture and interest in entrepreneurship among Politeknik Mukah (PMU) students as a young generation to make entrepreneurship a career of choice in the future, sparking interest and awareness in students to aspects related to the field of entrepreneurial and financial management and cultivating authentic entrepreneurial values such as learning to take risks, cultivating an entrepreneurial mindset, decision-making skills and competence and being able to develop a network of joint ventures.

In addition, the entrepreneurship unit also has a number of functions in order to achieve the set objectives, namely planning, coordinating & implementing entrepreneurship programs at the unit and department level, giving exposure to Mukah Polytechnic students about entrepreneurship, cultivating & building an entrepreneurial attitude in students, hold a student entrepreneurship incubator program at Mukah Polytechnic, and create a number of entrepreneurs among students and polytechnic graduates through business registration and involvement in entrepreneurship.

Unit Keusahawanan Politeknik Mukah is led by a Head of Unit and assisted by Entrepreneurship Coordinators from each academic department of Mukah Polytechnic. The main task of the Entrepreneurship Coordinator at the department level is to help plan and implement programs at the department or PMU level to support the role of the Entrepreneurship Unit in achieving the objectives of the establishment.

[#pmugemilang](https://www.instagram.com/pmugemilang)

Tarikh kemaskini: 12 Oktober 2023